

15/04/1998

Penyalahgunaan Internet merugikan

SEJAK dari awal lagi, Internet diketahui mempunyai ciri-ciri kebaikan dan keburukannya. Memang kita mengharapkan alat yang boleh mencari maklumat terpantas itu, digunakan dengan cara paling baik. Namun dalam masyarakat yang pelbagai ragam, penyalahgunaan adalah perkara yang dianggap biasa. Bagaimana cara hendak menyekat perbuatan seperti itu harus difikirkan oleh setiap individu. Disebabkan penggunaan Internet dianggap sebagai satu kebebasan dalam konteks globalisasi, ia menjadi hak individu untuk menggunakannya bagi tujuan kebaikan atau sebaliknya. Penggunaan Internet boleh mempercepatkan segala tugas. Ia terbukti lebih cekap dalam menyalurkan maklumat dan mendapat maklum balas. Oleh itu, penyebar surat layang mungkin berpendapat ia adalah alat yang terpantas untuk melakukan kerja jahat mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyatakan rasa kesalnya berhubung penyebaran surat layang menerusi Internet yang disifatkannya sebagai satu bentuk penyalahgunaan kemudahan dalam era serba maju ini. Kita percaya, surat layang menerusi Internet lebih berbisa jika ada pihak yang sanggup memanjangkan surat yang biasanya tidak dikenali penulisnya. Surat layang seperti ini boleh disebarkan dari satu alamat ke alamat yang lain hanya menerusi skrin atau ia dicetak dan disebarkan kepada mereka yang tidak mempunyai kemudahan Internet. Ia juga boleh dilakukan menerusi ruang khas hompej yang begitu popular hari ini. Mungkin surat layang ini boleh dijawab menerusi cara yang sama tetapi berbuat demikian seolah-olah mengundang penyebaran surat layang yang baru oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sebagaimana kita tahu, ciri-ciri terburuk surat layang adalah menyebarkan fitnah. Oleh itu, adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan jika ada pihak yang terpaksa menjadi mangsa fitnah. Begitu malang bagi rakyat negara ini kerana tidak tahu memanfaatkan perkara kebaikan.

Masalah timbul apabila teknologi gagal dikaitkan dengan matlamat untuk mencari maklumat, sebaliknya penggunaanya hanya menggunakan kemudahan itu untuk berkomunikasi sesama manusia. Sekalipun ia digunakan sebagai keperluan berkomunikasi sesama manusia, ia perlulah bercirikan semangat untuk mewujudkan kemajuan struktur sosial, bukan menyebarkan fitnah. Kita bimbang jika fitnah ini dibuat untuk memburuk-burukkan kepemimpinan negara, ia akan menjadi gejala yang tidak sihat. Sebagaimana kita tahu, penyebaran surat layang menerusi Internet bukan terbatas kepada lingkungan dalam negara saja. Ia mudah merebak hingga ke merata dunia. Kesempatan ini akan digunakan oleh pihak asing untuk memburuk-burukkan keadaan di negara ini.

Di negara membangun, teknologi komunikasi sepatutnya dianggap penemuan terpenting untuk bersaing dalam bidang perdagangan, pertanian, perbankan dan perniagaan. Ia mungkin diakui organisasi tertentu. Tetapi, bagaimana pula dengan individu? Adakah mereka memahami falsafah teknologi komunikasi termoden ini. Jika mahu menulis surat layang, matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang celik maklumat, tidak akan berhasil.

Apa yang mengecewakan ialah ketika kita melihat komunikasi baru dan teknologi maklumat sebagai satu alat penting dunia perindustrian yang menawarkan banyak keuntungan, ada pihak yang terus leka dengan menulis surat layang menerusi kemudahan yang sama.

Kita sedar gelombang teknologi dengan mudah boleh dimanipulasikan. Fakta yang salah mudah disalurkan untuk mengelirukan. Oleh itu, kita juga amat

sedih kerana ketika teknologi komunikasi digunakan untuk menyediakan prasarana menyatukan penggunaannya seperti perbankan elektronik, sistem rangkaian maklumat dan sidang video selain telekomunikasi, pengurusan pangkalan data dan penggunaan alat automatik untuk kegunaan pejabat, ada pengguna yang masih mahu melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Memang benar kita tidak perlu melayan surat layang. Dalam keadaan tenteram, kita masih boleh menganggap ia tidak memberi kesan buruk, tetapi ketika berlaku krisis, surat layang boleh menimbulkan krisis keyakinan jika tidak ditangani dengan baik. Kita percaya jika wujud etika dan nilai yang baik di kalangan pengguna Internet, kita dapat mengelakkan daripada melakukan perbuatan yang tidak mendatangkan hasil ini. Oleh itu, setiap pengguna seharusnya mempunyai maruah diri dan bukan menjadikan alat itu untuk merosakkan masyarakatnya.

(END)